

Anwar ucap tahniah Presiden baharu Korea Selatan

BERITA HARIAN 05 JUN 2025 ins: 3

Kuala Lumpur: Malaysia mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan Presiden Korea Selatan baharu, Lee Jae-myung bagi mengukuhkan hubungan persahabatan dua negara, khususnya dalam bidang perdagangan, teknologi, keamanan dan keselamatan.

Hasrat itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika menyampaikan ucapan tahniah kepada Jae-myung atas kemenangannya pada Pilihan Raya Presiden, yang berlangsung kelmarin.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, dengan Mala-

ysia sebagai Pengerusi ASEAN dan Korea Selatan menerajui Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tahun ini, kedua-dua negara dilihat berada dalam kedudukan terbaik untuk menerajui inisiatif serantau yang berimpak tinggi.

Perdana Menteri turut menantikan pertemuan dengan Jae-myung, di sini Oktober ini sempena Sidang Kemuncak yang dipimpin ASEAN dan sekali lagi di Gyeongju untuk Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC.

“Saya turut mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan Presiden Jae-myung, ter-

masuk dalam aspek hubungan erat antara rakyat kedua-dua negara.

“Kami berharap ASEAN akan memainkan peranan lebih penting dalam perspektif serantau Seoul. Ini kerana dalam era perubahan global yang pesat, perkongsian yang lebih mendalam antara Asia Tenggara dan Korea Selatan akan menjadi amat penting bagi kita semua,” katanya dalam kenyataan di media sosial, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, perkembangan dalam pilihan raya itu menandakan satu titik perubahan bagi Korea

Selatan, sebuah negara yang sudah melalui tempoh persaingan dan penelitian yang hebat dengan ketabahan serta iltizam demokratik.

“Rakyat sudah bersuara demi pembaharuan terhadap kepercayaan, institusi dan tujuan kebangsaan. Malaysia mengharapkan Jae-myung diberi kebijaksanaan dan kejayaan dalam perjalanan beliau yang mendatang,” katanya.

Perdana Menteri berkata, hubungan Malaysia dan Korea Selatan ditingkatkan kepada perkongsian strategik pada November 2024, iaitu satu pencapaian

yang mencerminkan aspirasi bersama dua negara.

Lee Jae-myung daripada Parti Demokratik yang berhaluan liberal dipilih sebagai Presiden ke-21 Korea Selatan selepas memperoleh kemenangan dalam Pilihan Raya Presiden.

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya Kebangsaan (NEC) Korea Selatan, Jae-myung memperoleh 49.42 peratus undi, mengatasi pencabarnya Kim Moon-soo daripada Parti Kuasa Rakyat yang meraih 41.15 peratus, manakala calon Parti Reformasi, Lee Jun-seok, menerima 8.34 peratus undi.